

Hikmah sabar

■ MBMB naik taraf sistem perparitan elak banjir kilat hantui penduduk Jalan PRI 22

Oleh Nazri Abu Bakar
am@hmetro.com.my
Melaka

Penduduk di Jalan PRI 22, Taman Paya Rumput Indah di sini, lega apabila rungutan mengenai masalah banjir kilat yang menghantui mereka mendapat perhatian Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).

Susulan rungutan, MBMB melalui kontraktor dilantik memulakan kerja menaik taraf sistem perparitan di taman berkenaan yang sebelum ini tidak mampu menampung jumlah air hujan hingga melimpah ke kediaman penduduk. Projek berkenaan dijangka si-

“Walaupun hanya sejam dilanda hujan lebat, kawasan ini akan dilanda banjir kilat”

Rosli Samad

ap 30 Disember ini.

Ahli jawatankuasa penduduk taman perumahan berkenaan, Rosli Samad, 57, berkata, pihaknya berharap sistem perparitan baru itu mampu menyelesaikan masalah banjir kilat setiap kali hujan lebat yang berlarutan sejak lima tahun lalu.

“Walaupun hanya sejam dilanda hujan lebat, kawasan ini akan dilanda banjir kilat.

“Sebelum ini pihak berkaitan sudah melakukan kerja naik taraf dengan membina satu lagi saluran untuk mengalirkan air keluar dari taman perumahan ke kawasan tadahan berhampiran, namun ia tidak banyak membantu,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Kejuruteraan dan Alam Sekitar MBMB Ahmad Roslee Hamzah berkata, tindakan segera itu diambil untuk menjamin keselamatan serta kesejahteraan penduduk.

“Kami harap penduduk bersabar sementara kerja naik taraf selesai. Kami akan pastikan masalah banjir kilat ini diselesaikan secepat mungkin,” katanya.



KONTRAKTOR melakukan kerja naik taraf sistem perparitan.



KEADAAN banjir kilat di Jalan PRI 22, Taman Paya Rumput Indah sebelum ini.